

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2020

A. PERMOHONAN BAHARU DAN KEMAS KINI BSH 2020

1. S: Bilakah pendaftaran BSH 2020?

J: Pendaftaran BSH 2020 bermula pada 1 Februari 2020 hingga 15 Mac 2020.

2. S: Bagaimana cara untuk saya membuat Permohonan BSH 2020?

J: Anda boleh membuat Permohonan BSH 2020 seperti berikut:

i. Permohonan Secara Dalam Talian

Permohonan BSH 2020 boleh dibuat di:

- a. Portal Rasmi BSH LHDNM, <https://bsh.hasil.gov.my>; atau
- b. Aplikasi Semakan Bantuan Sara Hidup dengan memuat turun di *Play Store* / *App Store* pada telefon bimbit

ii. Permohonan Melalui Borang

Borang Permohonan BSH 2020 (BK-01) boleh didapati secara percuma di:

- a. Portal Rasmi BSH LHDNM; atau
- b. Cawangan LHDNM / Pusat Khidmat Hasil (PKH) LHDNM / Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM

3. S: Di mana saya boleh menghantar Borang BSH 2020 yang telah lengkap diisi?

J: Anda boleh menghantar Borang BSH 2020 di kaunter-kaunter berikut:

- i. Cawangan LHDNM / Pusat Khidmat Hasil (PKH) LHDNM / Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM; atau
- ii. Pejabat Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP); atau
- iii. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK); atau
- iv. Pejabat Daerah / Pejabat Residen

Atau penghantaran secara Pos ke alamat seperti berikut:

Peti Surat BSH
GPO Shah Alam
40800 Selangor

Penghantaran **secara faks dan e-mel** adalah tidak diterima.

4. **S: Bolehkah saya membuat salinan Borang Permohonan BSH 2020 bagi pengisian borang dan adakah terdapat apa-apa caj yang dikenakan semasa pengisian Borang BSH 2020?**

J: Ya. Anda boleh membuat salinan Borang BSH 2020 dan tiada apa-apa caj yang dikenakan semasa pengisian Borang BSH 2020.

5. **S: Apakah kategori yang layak bagi Permohonan BSH 2020?**

J: Kategori yang layak bagi permohonan BSH 2020 adalah seperti berikut:

i. Isi Rumah

a) Kahwin; atau

b) Ibu atau Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang mempunyai anak; atau

c) Bujang (termasuk OKU) Berumur 60 tahun dan ke atas

ii. Bujang

a) Bujang atau Ibu atau Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang tidak mempunyai anak; dan

b) Had umur:

- 40 tahun dan ke atas; atau
- 18 tahun dan ke atas bagi kategori OKU

6. **S: Apakah kriteria kelayakan bagi pemohon BSH 2020?**

J: Pemohon BSH 2020 perlulah memenuhi kelayakan mengikut kategori seperti berikut:

i. Isi Rumah

a) Pemohon

- Warganegara Malaysia (MyKad) yang menetap di Malaysia sahaja
- Lelaki atau wanita yang menjadi ketua keluarga yang tinggal serumah dan bekerja di Malaysia
- Jumlah pendapatan kasar bulanan isi rumah RM4,000 dan ke bawah

b) Pasangan

- Warganegara Malaysia (MyKad) atau memiliki pengenalan Malaysia (MyPR / MyKAS); atau
- Bukan Warganegara Malaysia (selain pengenalan MyPR / MyKAS)

c) Anak (jika mempunyai anak)

- Hubungan mestilah anak kandung (termasuk anak tidak sah taraf) atau anak angkat yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sahaja; dan
- Warganegara Malaysia dan memiliki pengenalan Malaysia (MyKad / MyKid) sahaja; dan

- Tidak bekerja atau tiada punca pendapatan; dan
- Had umur:
 - 17 tahun dan ke bawah; atau
 - 18 tahun dan ke atas bagi pelajar sepenuh masa di Institusi Pengajian Awam / Swasta

ii. Bujang

Pemohon

- Warganegara Malaysia (MyKad) yang menetap di Malaysia sahaja
- Jumlah pendapatan kasar bulanan RM2,000 dan ke bawah
- Lelaki atau wanita yang berumur:
 - 40 tahun hingga 59 tahun; atau
 - OKU yang berumur 18 tahun hingga 59 tahun

7. S: Siapakah yang perlu membuat Permohonan BSH 2020?

J: Pemohon yang perlu membuat Permohonan BSH 2020 adalah seperti berikut:

- i. Pemohon yang belum membuat pendaftaran BSH (termasuk kategori Bujang); atau
- ii. Permohonan BSH 2019 yang berstatus tidak lulus; atau
- iii. Penerima bayaran Fasa Pertama BSH 2020 dan mempunyai perubahan maklumat; atau
- iv. Pemohon Orang Kurang Upaya yang tidak tersenarai sebagai penerima e-bantuan JKM
 - Bagi penerima e-bantuan JKM, pendaftaran akan dibuat secara automatik berdasarkan data di JKM. Penerangan lanjut rujuk Soalan 8.

8. S: Adakah semua penerima e-bantuan JKM tidak perlu mendaftar BSH 2020?

J: Penerima e-bantuan yang berdaftar dengan e-bantuan JKM sebelum atau pada Oktober 2019 tidak perlu mendaftar bagi permohonan BSH 2020. Perincian penerima e-bantuan adalah seperti berikut:

- i. Elaun Pekerja Cacat
- ii. Bantuan Penjagaan OKU
- iii. Bantuan OKU tidak berupaya bekerja
- iv. Bantuan Orang Tua

9. **S:** **Saya adalah OKU yang berdaftar dengan JKM tetapi bukan penerima e-bantuan. Adakah saya perlu membuat permohonan BSH 2020?**

J: Ya. Anda perlu membuat permohonan BSH 2020 kerana tidak tergolong sebagai Penerima e-bantuan seperti jawapan bagi soalan 8.

10. **S:** **Saya tergolong dalam pemohon seperti jawapan bagi soalan 7, adakah dokumen sokongan perlu dikemukakan semasa permohonan BSH 2020?**

J: Dokumen sokongan hanya perlu dikemukakan bagi pemohon berstatus Kahwin dan Ibu atau Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang mempunyai anak.

11. **S:** **Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa membuat permohonan BSH 2020?**

J: Salinan dokumen sokongan pemohon / pasangan / anak (jika berkaitan) yang perlu dikemukakan bagi adalah seperti berikut:

i. Pemohon:

- a) Salinan Sijil Perkahwinan yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri / JPN; atau
- b) Salinan Sijil Kematian pasangan yang dikeluarkan oleh JPN; atau
- c) Sijil Perceraian (asal dan salinan) yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri / JPN; atau
- d) Salinan Sijil Dekri Nisi / Dekri Nisi Mutlak yang dikeluarkan oleh Mahkamah

ii. Pasangan:

- a) Salinan pengenalan Pasangan (MyKad / MyPR / MyKAS); atau
- b) Salinan Pasport / Visa / UNHCR / Pas Sempadan

iii. Anak:

- a) Anak Kandung
 - Salinan MyKad / MyKid; dan
 - Salinan Sijil Lahir
- b) Anak Angkat
 - Salinan MyKad / MyKid; dan
 - Salinan Sijil Daftar Anak Angkat yang dikeluarkan oleh JPN

Borang Serahan Dokumen Sokongan BSH 2020 (BK-18) perlu diisi semasa mengemukakan dokumen sokongan berkenaan ke LHDNM

12. S: Permohonan Secara Dalam Talian memerlukan saya mengisi maklumat akaun bank. Jika saya tidak mempunyai maklumat akaun bank, bagaimanakah saya perlu menghantar Permohonan BSH 2020?

J: Anda boleh menghantar permohonan BSH 2020 dengan mengemukakan Borang Permohonan BSH 2020 (BK-01) ke Cawangan LHDNM berhampiran.

13. S: Saya telah menghantar permohonan BSH 2020 secara dalam talian. Walau bagaimanapun terdapat mesej peringatan yang memaklumkan supaya menghantar dokumen sokongan ke LHDNM. Bagaimanakah cara untuk kemukakan dokumen sokongan berkenaan?

J: Anda boleh kemukakan dokumen sokongan yang diperlukan ke LHDNM yang berhampiran dengan mengisi Borang Serahan Dokumen Sokongan BSH 2020 (BK-18) yang boleh diperolehi di Cawangan LHDNM atau muat turun di Portal BSH. Pastikan anda mendapat keratan Akuan Penerimaan Penyerahan dokumen berkenaan sebagai rekod penyerahan. Penghantaran secara faks dan e-mel adalah tidak diterima.

14. S: Saya telah menghantar permohonan BSH 2020. Sekiranya ada perubahan maklumat, adakah saya masih boleh membuat kemas kini permohonan?

J: Ya. Kemas kini maklumat boleh dibuat sebelum tarikh tutup permohonan BSH 2020.

15. S: Saya telah menghantar Borang Permohonan BSH 2020 ke Cawangan LHDNM. Adakah saya boleh mengemas kini semula permohonan secara dalam talian?

J: Tidak. Kemas Kini secara dalam talian tidak dibenarkan sekiranya anda telah menghantar Permohonan Baharu / Kemas Kini ke Cawangan / PKH / UTC LHDNM yang berhampiran dan telah diproses oleh LHDNM. Oleh itu, sebarang Kemas Kini permohonan BSH selanjutnya, anda perlu kemukakan semula Borang Permohonan BSH 2020 (BK-01) ke Cawangan / PKH / UTC LHDNM.

16. **S:** **Sijil perkahwinan saya telah hilang, apakah dokumen sokongan yang boleh digunakan untuk pengesahan status perkahwinan?**
- J: Dokumen berikut boleh digunakan sebagai pembuktian Status Perkahwinan:
- i. Kad nikah; **atau**
 - ii. Sijil Lahir Anak
17. **S:** **Saya berstatus bujang tetapi mempunyai anak angkat. Adakah saya boleh membuat permohonan BSH 2020?**
- J: Sekiranya anda berstatus bujang dan tidak pernah berkahwin, anda layak untuk memohon kategori Bujang sekiranya memenuhi syarat kelayakan seperti Jawapan bagi soalan 6 (Kategori Bujang).
18. **S:** **Pada Borang BSH 2020 terdapat 2 maklumat bank yang perlu diisi iaitu pada bahagian pemohon dan pasangan. Jika saya lulus BSH 2020, bayaran akan dibuat kepada saya atau pasangan saya?**
- J: Ruangan maklumat akaun bank diwujudkan bagi Pemohon dan Pasangan. Walau bagaimanapun, jika permohonan BSH 2020 diluluskan, mekanisme pembayaran adalah seperti berikut:
- i. Bayaran kepada Pasangan (**akaun bank isteri**) sekiranya:
 - Permohonan BSH 2020 dibuat atas nama suami (berumur 59 tahun dan ke bawah); dan
 - Pemohon berstatus kahwin [Pemohon dan pasangan (isteri) Warganegara Malaysia (MyKad)]
 - ii. Bayaran kepada Pemohon (**akaun bank pemohon**) sekiranya:
 - Pemohon berstatus Kahwin [pasangan (isteri) Bukan Warga Negara Malaysia]; atau
 - Permohonan BSH 2020 dibuat atas nama isteri; atau
 - Pemohon berstatus Bujang atau Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda; atau
 - Pemohon berstatus Warga Emas (berumur 60 tahun dan ke atas)
19. **S:** **Sekiranya saya tidak mengisi nombor akaun bank semasa Permohonan BSH 2020, bagaimanakah pembayaran akan dilakukan?**
- J: Anda digalakkan untuk mengisi nombor akaun bank kerana pembayaran BSH 2020 adalah secara pengkreditan ke akaun. Kaedah pembayaran BSH 2020 (rujuk Jawapan bagi soalan 18).

Sekiranya anda tidak mengisi akaun bank, **BSN mempunyai kuasa untuk membuka akaun anda / isteri (pasangan)** seperti klausa yang terkandung dalam Borang Permohonan Bantuan Sara Hidup (BSH) 2020 (BK-01) “**Jika tiada maklumat akaun bank, akaun tidak sah atau pindahan tidak berjaya dilaksanakan, saya dengan ini memberi kebenaran dan kuasa kepada Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk membuka akaun saya / isteri saya di BSN bagi tujuan di atas tertakluk kepada terma dan syarat pembukaan akaun BSN**”.

20. **S: Sekiranya saya mengisi salah satu nombor akaun bank semasa Permohonan BSH 2020, adakah pembayaran akan dibuat ke akaun yang telah saya laporkan?**

J: Pembayaran akan dibuat ke akaun yang didaftarkan sekiranya akaun berkenaan menepati kriteria pembayaran seperti Jawapan bagi soalan 18. Jika tidak menepati kriteria, **BSN mempunyai kuasa untuk membuka akaun anda / isteri (pasangan)** seperti klausa yang terkandung dalam Borang Permohonan Bantuan Sara Hidup (BSH) 2020 (BK-01) “**Jika tiada maklumat akaun bank, akaun tidak sah atau pindahan tidak berjaya dilaksanakan, saya dengan ini memberi kebenaran dan kuasa kepada Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk membuka akaun saya / isteri saya di BSN bagi tujuan di atas tertakluk kepada terma dan syarat pembukaan akaun BSN**”.

21. **S: Pasangan saya tidak mempunyai akaun bank, adakah pasangan saya perlu membuka akaun terlebih dahulu bagi mengisi Permohonan BSH 2020?**

J: Pasangan anda **tidak perlu membuka akaun bank** bagi pengisian maklumat bank pada permohonan BSH 2020. Sekiranya Permohonan BSH 2020 diluluskan dan tidak mengisi akaun bank, BSN mempunyai kuasa untuk membuka akaun anda / isteri (pasangan) seperti klausa yang terkandung dalam Borang Permohonan Bantuan Sara Hidup (BSH) 2020 (BK-01) “**Jika tiada maklumat akaun bank, akaun tidak sah atau pindahan tidak berjaya dilaksanakan, saya dengan ini memberi kebenaran dan kuasa kepada Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk membuka akaun saya / isteri saya di BSN bagi tujuan di atas tertakluk kepada terma dan syarat pembukaan akaun BSN**”.

22. **S:** **Saya berkahwin luar negara tetapi tidak mendaftarkan perkahwinan di JPN atau Jabatan Agama Islam Negeri serta masih belum mempunyai anak, adakah saya layak memohon BSH 2020 dan apakah dokumen yang diperlukan?**
- J: Tidak. Anda tidak layak memohon kecuali anda telah mendaftar perkahwinan dengan JPN atau Jabatan Agama Islam Negeri. Sekiranya **anda mempunyai anak**, anda layak memohon BSH 2020 dengan mengemukakan Sijil Lahir Anak yang berdaftar di JPN sebagai bukti perkahwinan.
23. **S:** **Anak saya berumur 20 tahun dan dikategorikan sebagai OKU. Bolehkah saya kemas kini maklumat anak saya dalam permohonan BSH 2020 saya?**
- J: Anak berkenaan tidak layak didaftarkan sebagai anak di bawah permohonan BSH 2020 anda. Walau bagaimanapun, anak berkenaan boleh memohon BSH 2020 bagi kategori Bujang sekiranya berstatus OKU dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Rujuk Jawapan bagi Soalan 6 (Syarat kelayakan kategori Bujang).
24. **S:** **Saya berstatus Ibu tunggal yang berumur 40 tahun dan mempunyai seorang anak (OKU) berumur 20 tahun. Adakah saya boleh memohon BSH 2020 dengan meletakkan anak saya di permohonan BSH 2020 saya?**
- J: Tidak. Anda boleh memohon BSH 2020 di bawah kategori Bujang [Rujuk Jawapan bagi soalan 6 (Syarat kelayakan Kategori Bujang)]. Anak berkenaan tidak layak didaftarkan sebagai anak di bawah permohonan BSH 2020 anda kerana anak berkenaan boleh memohon BSH 2020 bagi kategori Bujang sekiranya berstatus OKU dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Rujuk Jawapan bagi Soalan 6 (Syarat kelayakan kategori Bujang).
25. **S:** **Saya berstatus Ibu tunggal yang berumur 50 tahun dan mempunyai seorang anak berumur 21 tahun yang tidak bekerja. Adakah saya boleh memohon BSH 2020 dengan meletakkan anak saya di permohonan BSH 2020 saya?**
- J: Anak berkenaan boleh didaftarkan di Permohonan BSH 2020 anda sekiranya menepati syarat kelayakan Anak [Rujuk Jawapan bagi soalan 6 (Syarat kelayakan Anak)]. Sekiranya anak berkenaan tidak menepati syarat kelayakan, anda boleh memohon BSH 2020 di bawah kategori Bujang sebagai Ibu Bapa Tunggal tiada anak [Rujuk Jawapan bagi soalan 6 (Syarat kelayakan Kategori Bujang)].

26. **S:** **Saya berstatus Ibu tunggal yang berumur 39 tahun dan mempunyai seorang anak berumur 19 tahun yang tidak bekerja. Adakah saya boleh memohon BSH 2020 bagi kategori Isi Rumah dengan meletakkan anak saya di permohonan BSH 2020 saya?**

J: Anak berkenaan boleh didaftarkan di Permohonan BSH 2020 anda sekiranya menepati syarat kelayakan Anak [Rujuk Jawapan bagi soalan 6 (Syarat kelayakan Anak)].

Sekiranya anak berkenaan tidak menepati syarat kelayakan dan anda tidak mempunyai anak lain yang layak, permohonan BSH 2020 anda tidak menepati syarat kelayakan BSH 2020 sebagai kategori Bujang [Rujuk Jawapan bagi soalan 6 (Syarat kelayakan Kategori Bujang)].

27. **S:** **Saya bukan Warganegara Malaysia. Adakah saya layak memohon BSH 2020?**

J: Tidak. Bantuan ini adalah untuk Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia sahaja.

28. **S:** **Saya merupakan Warganegara Malaysia tetapi menetap di Singapura. Adakah saya layak memohon BSH 2020?**

J: Tidak. Bantuan ini adalah untuk Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia sahaja.

B. KEMAS KINI PERMOHONAN BAGI PENERIMA FASA PERTAMA BSH 2020

29. **S:** **Saya adalah penerima bayaran Fasa pertama BSH 2020 dan tiada sebarang perubahan maklumat. Adakah saya perlu membuat kemas kini permohonan BSH 2020?**

J: Sekiranya anda adalah penerima bayaran Fasa Pertama BSH 2020 dan tiada perubahan maklumat, anda tidak perlu membuat kemas kini maklumat BSH 2020. Permohonan anda akan diproses berdasarkan maklumat sedia ada BSH 2019. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat perubahan maklumat (status perkahwinan / maklumat anak), kemas kini permohonan BSH 2020 perlu dibuat.

- 30. S: Sekiranya saya tidak hadir untuk kemas kini permohonan BSH 2020 selepas menerima pembayaran Fasa pertama, adakah saya layak menerima bayaran fasa seterusnya?**
- J: Sekiranya anda tidak hadir untuk kemas kini, permohonan BSH 2020 anda akan diproses berdasarkan maklumat sedia ada BSH 2019. Kelayakan pembayaran Fasa seterusnya adalah berdasarkan semakan verifikasi kelayakan.
- 31. S: Saya telah diluluskan BSH 2019 dengan status Ibu Bapa Tunggal dan mempunyai seorang anak. Adakah saya perlu hadir semula untuk kemas kini maklumat anak berkenaan dan kemukakan dokumen sokongan?**
- J: Sekiranya semasa BSH 2020, tiada perubahan maklumat anak yang didaftarkan semasa BSH 2019, anda tidak perlu kemaskini permohonan. Ini kerana pemprosesan bagi penentuan kelayakan anak akan dibuat melalui sistem.
Walau bagaimanapun, sekiranya anda mempunyai tambahan anak yang lain, kemaskini dan kemukakan dokumen sokongan anak yang baharu perlu dibuat.
- 32. S: Semasa permohonan BSH 2019 sebelum ini, saya telah kemukakan semua dokumen sokongan yang diperlukan. Adakah saya perlu kemukakan semula semasa permohonan BSH 2020?**
- J: Sekiranya anda penerima Fasa pertama BSH 2020 dan tiada sebarang perubahan maklumat, dokumen sokongan tidak perlu dikemukakan semasa BSH 2020.
- 33. S: Suami saya telah menerima pembayaran Fasa Pertama BSH 2020. Bolehkah saya menukar permohonan suami saya kepada permohonan saya?**
- J: Pertukaran permohonan adalah tidak dibenarkan kerana permohonan suami telah mendapat bayaran Fasa Pertama dan telah wujud dalam BSH 2020. Tindakan kemas kini permohonan BSH 2020 boleh dibuat atas permohonan suami.
Sekiranya permohonan suami lulus, pembayaran seterusnya akan dikreditkan terus ke akaun isteri bagi pasangan Warganegara Malaysia (MyKad).

34. **S: Pasangan (isteri) saya merupakan penerima Fasa Pertama BSH 2020 tetapi telah menghilangkan diri. Adakah saya boleh mengemaskini bayaran seterusnya kepada nama saya?**
- J: Mekanisme pembayaran adalah seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan (rujuk jawapan bagi soalan 18).
35. **S: Suami saya telah menerima bayaran Fasa Pertama BSH 2020 dan meninggal dunia pada bulan Januari 2020. Adakah saya boleh membuat Permohonan Baharu BSH 2020?**
- J: Ya. Anda boleh membuat Permohonan Baharu BSH 2020 dengan status perkahwinan yang terkini kerana permohonan suami tidak layak menerima baki pembayaran BSH 2020.
36. **S: Suami saya telah menerima bayaran Fasa Pertama BSH 2020 dan meninggal dunia pada 1 Februari 2020. Adakah saya boleh membuat permohonan baharu BSH 2020?**
- J: Bagi penerima fasa pertama yang meninggal dunia mulai 1 Februari 2020, pasangan tidak perlu membuat Permohonan Baharu BSH 2020 tetapi boleh membuat kemas kini permohonan suami. Ini kerana, anda sebagai waris layak menerima SKK BSH 2020 jika permohonan suami lulus pembayaran Fasa Kedua BSH 2020. Jika pembayaran Fasa Kedua BSH 2020 tidak lulus, anda boleh membuat Permohonan Baharu sekiranya permohonan rayuan dibuka kepada umum (tertakluk kepada arahan Kerajaan).
37. **S: Ibu saya berstatus Ibu Bapa Tunggal telah menerima bayaran Fasa Pertama BSH 2020 dan meninggal dunia pada 1 Februari 2020. Adakah saya perlu mengemaskini permohonan BSH 2020 ibu saya?**
- J: Bagi penerima berstatus Ibu Bapa Tunggal yang menerima bayaran Fasa Pertama dan meninggal dunia mulai 1 Februari 2020, kemas kini maklumat pemohon tidak perlu dilakukan kecuali maklumat waris. Ini kerana, jika permohonan pemohon lulus pembayaran Fasa Kedua BSH 2020, waris yang didaftarkan layak menerima SKK BSH 2020

C. LAIN-LAIN

38. **S:** **Bagaimana cara untuk saya mengetahui status permohonan BSH 2020?**

J: Semakan Status permohonan BSH 2020 boleh dibuat seperti berikut:

- i. Portal Rasmi BSH LHDNM, <https://bsh.hasil.gov.my>;
- ii. Semakan secara Aplikasi Mobile BSH:
Muat turun di *Play Store* bagi platform Android dan di *Apps Store* bagi platform iOS



- iii. Hubungi LHDNM: 1-800-88-2747
(Waktu Operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang);atau
- iv. MoF: 03-8882 4565 / 4566
(Waktu Operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang);atau
- v. Hadir sendiri ke Cawangan LHDNM / PKH LHDNM / UTC LHDNM.

39. **S:** **Bagaimana cara untuk saya mendapatkan maklumat terkini, membuat pertanyaan atau aduan berkaitan BSH 2020?**

J: Anda boleh mendapatkan maklumat terkini, membuat pertanyaan atau aduan melalui saluran berikut:

- i. Portal Rasmi BSH LHDNM, <https://bsh.hasil.gov.my>; atau
- ii. Aplikasi Mobile BSH; atau
- iii. Hubungi LHDNM: 1-800-88-2747
(Waktu Operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang);atau
- iv. MoF: 03-8882 4565 / 4566
(Waktu Operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang);atau
- v. Hadir sendiri ke Cawangan LHDNM / PKH LHDNM / UTC LHDNM.

40. **S:** **Jika seseorang memberi maklumat palsu, apakah tindakan yang akan dikenakan?**

J: Seseorang boleh disabitkan kesalahan di bawah seksyen 193 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga tiga (3) tahun dan denda serta disenarai hitam oleh Kementerian Kewangan Malaysia dari menerima BSH.

41. **S:** **Maklumat saya telah digunakan oleh individu lain bagi tujuan permohonan BSH 2020. Apakah yang perlu saya lakukan?**
- J: Anda perlu membuat laporan polis dan kemukakan bersama salinan pengenalan (Pasangan / Anak), sijil perkahwinan / Sijil Kematian / Sijil Perceraian (jika berkaitan) ke Cawangan LHDNM untuk tindakan selanjutnya.

